

## Hubungan Antara Keterlibatan Ibu Bapa dalam Program Amali Solat di Sekolah Agama Kerajaan Johor

*Relationship between Parents' Engagement in Solat Practical Programme in Religious Schools of Johor*

*Mohd Hidris Shabri, Ajmain Safar, Mazlina Parman*

*Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310, Johor Bahru*

*\*Corresponding author: mhidris2@live.utm.my*

---

### Article history

Received: 2019-09-10   Received in revised form: 2019-11-10   Accepted: 2020-11-14   Published online: 2020-06-30

### Abstract

For the past 50 years, the Johor state government through the Religious Education Division has been implementing an integrated solat (prayer) programme in the Johor State Government Religious Schools curriculum. Being the social investments in the spiritual development of Muslim students in Johor this program needs an evaluation of its effectiveness on the part of the parents. Therefore, this study was conducted to explore parents' perception of the programme impact on their children, and parental involvement in the programme at the religious schools in Mersing District, Johor. A quantitative-descriptive study using questionnaire was conducted on 235 families at Endau, Mersing religious school. Data from the questionnaire were analyzed using SPSS v17.0. The results show the overall effectiveness of the solat programme in the context of practice ( $M = 4.21$ ). Similarly, for the solat component of recitation ( $M = 4.01$ ) the level was high. The results of the correlation analysis showed that there was a significant relationship between parental involvement and the level of prayerful engagement in interaction and communication ( $r = 0.826$ ), whereas for parental involvement ( $r = 0.791$ ). This study also provides information and preview of the parental involvement in the effectiveness of the solat programme at religious school.

*Keywords:* Effectiveness; involvement; parents, Solat practice.

### Abstrak

Sejak 50 tahun yang lalu, kerajaan negeri Johor melalui Bahagian Pendidikan Agama telah melaksanakan program amali solat secara bersepadu dalam kurikulum Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor. Sebagai salah satu pelaburan sosial dalam pembangunan kerohanian murid Islam di Johor keberkesanan program ini perlu dinilai terutama yang melibatkan pihak ibu bapa murid. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi melihat persepsi ibu bapa tentang sejauh mana kesan dan penglibatan ibu bapa dalam program amali solat ini di beberapa buah sekolah agama di Daerah Mersing, Johor. Kajian kuantitatif-deskriptif dengan menggunakan kaedah pengedaran soal selidik ini dijalankan ke atas 235 buah keluarga di sekolah agama zon Endau Mersing. Data dari borang soal selidik telah dianalisis menggunakan SPSS v17.0. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisa frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai. Hasil dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya tahap keberkesanan program amali solat di rumah dalam konteks af'al solat ( $M=4.21$ ). Begitu juga, bagi komponen aqwal solat ( $M=4.01$ ) menunjukkan tahap yang tinggi. Keputusan analisis korelasi pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan tahap penguasaan amali solat bagi interaksi dan komunikasi ( $r=0.826$ ), manakala bagi keterlibatan ibubapa ( $r=0.791$ ). Kajian ini sekaligus memberi maklumat dan gambaran awal trend status penglibatan ibu bapa dalam keberkesanan program amali solat di sekolah.

*Keywords:* keberkesanan, keterlibatan, ibu bapa, amali solat.

## 1.0 PENGENALAN

Pembangunan insan yang dikehendaki dalam Islam meliputi pembangunan jasmani dan rohani. Sebagaimana unsur jasmani mempunyai tuntutan dan keperluan yang perlu dipenuhi, maka begitu juga dengan unsur rohani yang mempunyai tuntutan dan keperluan yang sesuai dengan tabiat kerohaniannya (Haron, 2002).

Dalam memastikan pembangunan rohani murid-murid Islam di Johor terisi, pelbagai aktiviti serta program telah dijalankan oleh Badan Pendidikan Agama umumnya dan Sekolah Agama Kerajaan Johor khususnya. Antara program yang dijalankan adalah program latihan amali solat di sekolah-sekolah agama negeri Johor. Program amali di sekolah agama ini menekankan pembelajaran amali rukun *qawli* dan *fi'li* bagi pelajar darjah 1-3 manakala darjah 4-6 lebih menjurus kepada praktikal sepenuhnya. Aktiviti solat yang lebih berbentuk amali ini diharapkan mampu menarik minat murid untuk mengikuti dan mempelajari ibadah solat dan seterusnya diharapkan amalan solat ini akan menjadi rutin yang sehati dalam diri mereka apabila mereka berada di rumah.

Walau bagaimanapun, setiap program yang diimplementasikan oleh setiap institusi dan organisasi perlu dinilai keberkesannya selepas pelaksanaan suatu kohort (Ghazali, 2010). Penilaian dilakukan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang sedia ada atau ingin tahu setakat mana pencapaian yang diperolehi dibandingkan dengan piawaian yang telah ditetapkan (Abd. Aziz, 2005:46). Penilaian keberkesanan program dapat memberi maklum balas berhubung program yang dijalankan. Ia juga membantu pelbagai pihak yang terlibat untuk membuat semakan pro dan kontra bagi penambahbaikan atau pengubahsuaian program tersebut yang dapat memurnikan lagi perkhidmatan yang diberikan (Manchelah, 2017:19). Melalui penilaian keberkesanan program, dapat dipastikan perbelanjaan yang telah dikeluarkan adalah setimpal dengan hasil yang diperolehi di samping dapat mengawal perbelanjaan kerajaan sebagai pemberi dana kepada program tersebut agar lebih efisien dan efektif (Norizan et al., 2019). Selain itu juga, perbelanjaan yang begitu besar telah dikeluarkan untuk penyediaan latihan dan pembangunan, dan sekaligus pulangan yang positif dari pihak kerajaan sebagai pemberi dana juga diharapkan (Fadillah et al., 2018). Oleh itu, penilaian keberkesanan program perlu dilakukan bagi mengenal pasti penambahbaikan yang boleh dilakukan terhadap program tersebut agar pulangan positif yang diharapkan kesan daripada pelaburan terhadap program tersebut semakin meningkat dari semasa ke semasa.

Di dalam industri, latihan adalah penting dan merupakan alat atau cara yang boleh digunakan oleh organisasi bagi meningkatkan prestasi pekerja secara individunya dan organisasi secara keseluruhannya. Ianya memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak iaitu pekerja dan organisasi. Secara amnya, latihan memainkan peranan penting dalam peningkatan prestasi individu. Keberkesanan latihan turut ditentukan oleh faktor latihan yang diterima (Abdul Ghafar et al., 2015). Latihan dalam pelajaran juga merupakan sebahagian daripada pelaburan sosial yang penting untuk dikeluarkan oleh kerajaan kerana ianya mampu memberikan faedah jangka panjang kepada negara (Ideris Endot, 2007).

Kepelbagaian program pengisian rohani melalui Sistem Pendidikan Sekolah Agama Johor adalah salah satu bentuk latihan yang berfokuskan pelaburan sosial kepada pembangunan rohani murid-murid Islam di negeri Johor, antaranya program latihan amali solat. Ianya dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran murid dalam solat serta sekaligus mampu menjadikan solat sebagai rutin harian mereka. Walaupun pada dasarnya, program latihan amali solat ini dilihat sebagai sebuah program yang bagus, tetapi tiada sebarang penilaian keberkesanan latihan yang pernah dilakukan sepanjang program ini dijalankan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menilai keberkesanan latihan amali solat ini serta sejauh mana keterlibatan ibu bapa dalam memastikan pengamalan solat oleh pelajar di rumah setelah mengikuti latihan amali ini.

## **2.0 KAJIAN LITERATUR**

### **2.1 Konsep Latihan**

Latihan merupakan sebuah proses pembelajaran yang melibatkan pengasahan kemahiran, konsep, perubahan perlakuan, dan memperolehi pengetahuan baru bagi memantapkan lagi prestasi pekerja (Fadillah dan Adibah, 2018). Latihan yang berkesan boleh memberikan impak terhadap prestasi sesebuah organisasi. Latihan yang berterusan akan mampu menyumbang kepada peningkatan kualiti kerja dan produktiviti serta meningkatkan imej organisasi (Abdul Ghafar et. al., 2015). Sebuah latihan yang berkesan adalah sebuah latihan yang mengikuti proses kitaran latihan yang lengkap iaitu bermula dengan menganalisis latihan yang diperlukan, mereka bentuk latihan yang bersesuaian, pelaksanaan latihan yang telah direka dan bersesuaian, serta akhir sekali menilai keberkesanan latihan yang telah dijalankan (Ibrahim, 1996).

Keperluan latihan adalah merupakan keperluan individu, pasukan, mahupun organisasi bagi mendapatkan kemahiran tertentu melalui pemberian latihan yang telah dilaksanakan. Keperluan ini boleh diperolehi melalui pemberian latihan, pembelajaran, ataupun program pembangunan (Zahri, 2017). Kekurangan latihan boleh menyebabkan pekerja tidak cekap serta gagal memenuhi tanggungjawab pekerjaannya dengan baik, sekaligus menghalang pencapaian matlamat organisasi.

Dalam kajian ini, pemberian latihan atau amali solat kepada para pelajar adalah penting bagi proses pembangunan insan mereka yang merangkumi pembangunan rohani. Pemberian latihan dan amali solat yang berkesan membolehkan seseorang pelajar itu menunaikan tanggungjawab sebagai seorang Islam untuk menunaikan solat dengan baik. Walau bagaimanapun, keberkesanan sesebuah program atau latihan hanya boleh diukur apabila penilaian terhadap program tersebut dijalankan.

### **2.2 Konsep Penilaian Keberkesanan Latihan atau Program**

Keberkesanan latihan boleh didefinisikan sebagai pencapaian terhadap program atau latihan yang telah dijalankan, sama ada ianya mencapai objektif ataupun tidak; di mana melalui pemberian latihan tersebut akan membantu menambahkan kemahiran dan pengetahuan serta membentuk sikap pekerja yang positif dan akhirnya memberikan manfaat dan kebaikan kepada individu itu sendiri serta organisasi yang diwakilinya (Kirkpatrick, 1996; Tai, 2006; dan Noe, 2007). Keberkesanan latihan boleh diukur melalui empat tahap iaitu penilaian latihan, pembelajaran, pemindahan latihan, dan juga hasil keseluruhan yang diperolehi melalui latihan atau program yang disertai kepada individu serta organisasi yang diwakilinya (Kirkpatrick, 1996).

Dalam kajian ini, Jabatan Agama khususnya Bahagian Pendidikan telah memperkenalkan program latihan amali dalam solat bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar untuk mahir dalam solat. Latihan amali yang telah dilaksanakan perlu dinilai keberkesananannya bagi memastikan program dan latihan yang diberikan itu benar-benar memberikan manfaat kepada pelajar terutamanya dalam proses pembangunan rohani dalam pembinaan insan sebagai Muslim yang berjaya. Keberkesanan latihan amali yang diberikan perlulah merangkumi reaksi pelajar terhadap latihan amali tersebut, pembelajaran yang diperolehi mengenai cara-cara solat yang betul, pemindahan latihan melalui pelaksanaan solat serta hasil yang diperolehi melalui latihan amali tersebut iaitu pelajar mampu untuk mahir dalam solat.

### 2.3 Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak-anak

Kecemerlangan dan kesimbangan antara kemajuan dan dalam usaha membanggunkan modal insan yang berjaya dari peringkat kelahiran hingga ke peringkat dewasa secara kritis dan realiti merujuk kepada kesungguhan institusi kekeluargaan khususnya ibubapa yang paling hampir dengan anak-anak mereka (Zulkifli et. al, 2011) yang akhirnya dapat melahirkan masyarakat yang harmonis, berilmu dan insan yang cemerlang dalam mencapai wawasan (Rohner, Ronald & Veneziano, 2001). Kasih sayang mencukupi dan perhatian yang cukup secara asasnya dapat membentuk dan mencorak kehidupan anak-anak di masa kerana ibubapa berada dalam persekitaran anak semenjak lahir lagi (Abdullah Nasih,2015). Oleh itu, peranan ibubapa menjadi keutamaan membina sahsiah peribadi yang unggul dengan memberikan pendidikan asas dan tidak formal dirumah sebelum anak-anak memasuki alam persekolahan. Keperihatinan dan menjalan tanggungjawab lebih awal dengan tidak meletakkan sepenuhnya kepada guru-guru di sekolah dalam pembinaan dan pembentukan diri anak-anak, akan menjadikan proses yang menyeluruh dan seimbang antara pembelajaran secara formal dan tidak formal (Shihab, 2009; Sidek Baba,2009; Zainon dan Ahmad, 2008).

Pendidikan rohani juga menjadikan keperluan mendesak dalam pembentukan pribadi dan sahsiah yang baik. Ibubapa yang meletakkan anak-anak mereka dalam persekitaran yang baik dan dihiasi dengan pendidikan akhlak dan budi pekerti yang baik akan melahirkan anak-anak yang berakhlak baik ketika mereka dewasa. Manakala kehidupan anak-anak dengan persekitaran yang tidak berdisiplin dan tidak berbudi bahasa serta kejam akan melahirkan remaja yang juga bersifat demikian (Kamarul Azmi Jasmi dan SitiFauziyani Md. Saleh @ Masrom, 2007)

Penegasan ini telah dizahirkan oleh Nabi Muhammad SAW dalam sabdanya yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a dengan mafhumnya:

مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ وَيُنَصِّرَانِهِ وَيُيَسِّرَانَهُ

"Tidaklah seorang bayi yang dilahirkan melainkan dalam keadaan fitrah, maka Kedua orang tuanyalah yang menjadikannya Yahudi, atau Nasrani atau Musyrik." (Sahih Muslim).

Hadis di atas dengan jelas memperlihatkan pengaruh ibubapa. Keruntuhan dan kecelaruan personaliti anak-anak ketika mereka mula mengenal kehidupan berkaitrapat dengan pendidikan yang diberikan oleh kedua ibubapa mereka. Kesilapan mendidik anak-anak menyebabkan runtuhnya kesempurnaan akhlak anak-anak (Tengku et. al.2015). Kegagalan ibubapa memainkan peranan menyebabkan tercetusnya masalah sosial yang kritikal didalam masyarakat dan juga akhirnya proses pendidikan di sekolah juga akan gagal (Mohd Nor, et al,2012). Kajian yang dilakukan oleh Azyyati, Fariza dan Salasiah (2013) factor yang paling kuat mempengaruhi tingkahlaku pelajar ialah mereka yang mempunyai keluarga yang tidak berfungsi, mempunyai latar belakang status sosioekonomi yang rendah (SES) dan sokongan daripada individu dan persekitaran yang bertindak sebagai faktor pelindung seperti ibu atau bapa, ahli keluarga, ahli masyarakat, sekolah dan agama yang merupakan asas utama tidak membantu dan menyokong dalam menentukan pola akal dan perlakuan remaja bagi menghindari kemudaratan.

### 2.4 Program Amali Solat Sekolah Agama Jabatan Agama Johor

Atas kesedaran inilah pihak Jabatan Agama khususnya bahagian pendidikan memperkenalkan matapelajaran solat dikenali sebagai perkara amali di sekolah agama di mana bagi darjah 1-3 lebih ditekankan kepada rukun *qawli* dan *fi'li* manakala darjah 4-6 lebih menjurus kepada praktikal sepenuhnya dengan melaksanakan solat fardu asar berjemaah diimamkan oleh guru sekolah itu sendiri. Ini bertujuan

bagi membendung masalah yang timbul berkaitan amalan solat dalam kalangan murid. Aktiviti solat yang lebih berbentuk amali ini diharapkan mampu menarik minat murid untuk mengikuti dan mempelajari ibadah solat dan seterusnya diharapkan amalan solat ini menjadi rutin yang sehati dalam diri mereka apabila mereka berada di rumah. Justeru, bagi mengenalpasti sejauh mana keberkesanan pelaksanaan amali solat satu kajian perlu dilakukan untuk melihat kekuatan dan kelemahan yang ada pada

Laporan daripada Pejabat Pendidikan Agama Daerah mendapati bahawa tahap penguasaan pelajar terhadap amali solat adalah lebih baik dan meningkat setelah mereka mengikuti program amali solat di sekolah (Lihat Jadual 1 dan 2).

**Jadual 1:** Peratusan Tahap Penguasaan Amali Solat (*Qawli*) Murid-murid Sekolah Agama

PETUNJUK				
Bil	Perkara Rukun <i>Qawli</i>	Sebelum	Selepas	Perbezaan %
1	Bacaan al-Fatihah	30%	97%	□67
2	Bacaan rukuk	35%	98%	□63
3	Bacaan iktidal	28%	92%	□64
4	Bacaan sujud	33%	95%	□62
5	Bacaan duduk antara dua sujud	25%	90%	□65
6	Bacaan tahiyat akhir	23%	92%	□69

Secara keseluruhan kita dapat peratus meningkat dari 60 hingga 70 peratus setelah program amali dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu. Program yang tersusun dan bersistem menjadikan pelajar lebih terarah melaksanakan bacaan dengan baik.

**Jadual 2:** Peratusan Tahap Penguasaan Amali Solat (*Fi'li*) Murid-Murid Sekolah Agama

PETUNJUK				
Bil	Perkara Rukun <i>Fi'li</i>	Sebelum	Selepas	Perbezaan %
1	Berdiri tegak	45%	100%	□55
2	Rukuk	57%	100%	□43
3	Iktidal	68%	100%	□32
4	Sujud	70%	100%	□30
5	Duduk tahiyat akhir	65%	100%	□35
6	Memberi salam yang pertama	76%	100%	□24

Begitu juga dengan penguasaan amali solat dalam perbuatan juga menunjukkan peningkatan sekitar 24 hingga 60 peratus. Dengan peningkatan ini memperlihatkan sokongan dan penglibatan pelajar dalam program amali solat di sekolah membantu tahap pemahaman cara dan kaedah solat yang betul.

### 3.0 OBJEKTIF

Kajian yang dijalankan adalah untuk mencapai objektif berikut, iaitu:

1. Meneroka keberkesanan program Amali Solat di Rumah menerusi pandangan ibu bapa
2. Mengenal pasti keterlibatan Ibu bapa dalam pengamalan solat murid di rumah.

### 4.0 METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian survey dengan metode penelitian berbentuk kuantitatif-deskriptif. Reka bentuk kuantitatif digunakan untuk melakukan pengukuran-pengukuran, manakala metod deskriptif bertujuan untuk membuat deskripsi, gambaran atau lukisan secara sistematik, fakta dan tepat mengenai fakta-fakta, sifat-sifat serta hubungan antara fenomena yang dikaji (Nazir, 2005:54). Oleh itu, metode kuantitatif-deskriptif ini digunakan untuk mengukur dan menjelaskan dengan terperinci mengenai keterlibatan ibu bapa dalam program amali solat anak-anak mereka di rumah.

Kajian ini dilaksanakan terhadap 150 orang ibu bapa murid-murid sekolah agama di Zon Endau Mersing, Johor. Pemilihan responden adalah berdasarkan kaedah persampelan rawak mudah yang telah dikenal pasti, disenaraikan akan menjadi populasi kajian sebelum diundi secara rawak, dan mempunyai kebarangkalian untuk dipilih menjadi sampel kajian (Merrigan dan Huston, 2004). Populasi kajian ini dipilih daripada ibu bapa murid di 5 buah sekolah agama Zon Endau.

Instrumen kajian yang digunakan bagi pengumpulan data adalah soal selidik. Kajian berbentuk soal selidik dipilih kerana maklumat responden dirahsiakan dan keselesaan responden untuk menjawabnya tanpa sebarang kerisauan. Kaedah ini juga dapat merangkumi bidang yang luas. Soal selidik ini adalah soalan tertutup (Arabi Idid, 1998:135) dan terbuka yang terbahagi kepada dua bahagian, iaitu, bahagian A yang mengandungi soalan berkaitan demografi ibu bapa, dan bahagian B yang berkaitan dengan penglibatan mereka dalam amali solat murid di rumah.

Kajian ini telah memilih pengukuran Skala Likert lima tahap sebagai skala jawapan responden terhadap semua pernyataan di soal selidik. Cohen et al (2000) dan Wiersma (2000) menyatakan kesesuaian skala ini bagi mengukur pandangan yang berkaitan dengan sesuatu amalan, persepsi, dan sikap. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial (SPSS) versi 17.0 dan ditafsirkan mengikut lima skala interpretasi seperti di Jadual 3.

**Jadual 3:** Interpretasi Skor Purata Ke dalam 5 tahap (Skala likert 5).

Skor Purata	Interpretasi
1.00 hingga 1.89	Sangat Rendah
1.90 hingga 2.69	Rendah
2.70 hingga 3.49	Sederhana
3.5 hingga 4.29	Tinggi
4.3 hingga 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Nunally (1978)

Jenis analisis data yang digunakan meliputi analisis frekuensi dan analisis korelasi Pearson. Prityatno (2012) melihat analisis frekuensi digunakan untuk menghitung frekuensi data pada pembolehubah, analisis statistik, serta menampilkan grafik. Analisis korelasi Pearson pula digunakan untuk mengukur hubungan antara dua pembolehubah yang mempunyai hasil data normal. Oleh itu, kedua-dua analisis

ini digunakan bagi mengetahui jumlah jawapan daripada setiap soalan soal selidik, dan melihat sejauh mana keobjektifan para responden.

## 5.0 DAPATAN KAJIAN

Berikut adalah dapatan kajian daripada instrument soal selidik yang telah diedarkan kepada pihak responden. Dapatan dipaparkan dalam bentuk jadual menggunakan nilai min dan peratus.

**Jadual 4:** Persepsi ibu bapa terhadap keberkesanan amali solat di rumah (*Afal* Solat)

Item	Pembolehubah	Min	%	Interpretasi
1	Berdiri menghadap kiblat setiap kali solat	4.01	96	Tinggi
2	Meletakkan tangan kanan ke atas tangan kiri	3.56	93	Tinggi
3	Berdiri dengan sempurna	3.87	94	Tinggi
4	Rukuk dengan sempurna	3.75	93	Tinggi
5	Dapat melakukan Iktidal dengan sempurna	4.26	99	Tinggi
6	Melakukan sujud sebanyak dua kali	4.26	98	Tinggi
7	Duduk di antara dua sujud dengan sempurna	3.57	93	Tinggi
8	Menyempurnakan duduk tahiyat awal	3.59	94	Tinggi
9	Menyempurnakan duduk tahiyat akhir	3.80	95	Tinggi
10	Dapat membezakan rakaat solat	3.75	94	Tinggi
11	Dapat membezakan waktu solat	3.80	90	Tinggi
12	Mengakhiri solat dengan dua salam	4.47	98	Sangat Tinggi
	<b>Purata</b>	<b>4.21</b>	<b>98</b>	<b>Tinggi</b>

**Jadual 5:** Persepsi ibu bapa terhadap keberkesanan amali solat di sekolah (*Aqwal* Solat)

Item	Pembolehubah	Min	%	Interpretasi
1	Melafazkan niat dengan baik	3.87	91	Tinggi
2	Dapat membaca al fatihah dengan baik	4.56	94	Sangat Tinggi
3	Dapat membaca mana-mana surah pilihan	4.32	93	Sangat Tinggi
4	Menyebut takbir dengan jelas dan baik	4.51	94	Sangat Tinggi
5	Dapat membaca zikir rukuk dan sujud dengan baik	4.11	92	Tinggi
6	Dapat membaca tahiyat awal dan akhir	3.76	89	Tinggi
7	Dapat membaca zikir duduk di anantara dua sujud	3.56	88	Tinggi
8	Dapat membaca zikir I'tidal dengan baik	4.02	90	Tinggi
	<b>Purata</b>	<b>4.01</b>	<b>91</b>	<b>Tinggi</b>

Dapatan kajian yang dinyatakan dalam jadual 4 dan 5 mendapati bahawa kedua-dua bahagian iaitu *afal* solat dan *aqwal* solat adalah amat berkesan dari sudut pandang ibu bapa dengan hasil keduanya melebihi purata min 4.00. Hal ini menunjukkan keberkesanan program amali solat yang dilaksanakan di sekolah-sekolah agama Zon Endau adalah tinggi. Program ini dinilai sebagai berjaya dalam membentuk dan membantu murid untuk lebih mahir dalam menunaikan ibadat solat. Pada masa yang sama menyediakan asas kepada murid untuk lebih memahami cara untuk mendirikan solat.

Kajian ini juga mendapati bahawa *afal* solat adalah lebih berkesan berbanding *aqwal* solat dengan purata min bagi *afal* melebihi 0.20 berbanding *aqwal* solat. Ini menunjukkan bahawa amalan berbentuk praktikal lebih mudah diikuti berbanding lisan.

Jadual seterusnya menunjukkan kadar keterlibatan ibu bapa dalam membimbing amali solat murid di rumah.

**Jadual 6:** Kadar Keterlibatan Ibu Bapa dalam Amali Solat Murid di Rumah (%)

Item	Perkara	Bapa	Ibu
	Interaksi dan komunikasi		
	<b>Purata</b>	88	89
	Amalan keibubapaan		
	<b>Purata</b>	90	91

Berdasarkan Jadual 6, didapati bahawa item di bahagian interaksi dan komunikasi mempunyai purata yang sangat tinggi bagi keterlibatan ibu bapa dalam memastikan amali solat anak lebih berkesan dengan purata peratus 89 peratus. Walau bagaimanapun keterlibatan ibu adalah lebih tinggi berbanding keterlibatan bapa apabila 5 daripada 8 item; (*item 3*) *melihat solat anak*, (*item 4*) *membetulkan solat anak*, (*item 5*) *bertanya rukun solat*, (*item 6*) *menjawab persoalan solat dari anak*, dan (*item 7*) *melihat buku amali solat*; memperoleh 90 peratus ke atas. Keterlibatan bapa hanya mencatatkan 3 item; (*item 3*) *melihat solat anak*, (*item 6*) *menjawab persoalan solat dari anak*, dan (*item 8*) *mengajak anak solat*; dengan perolehan 90 peratus.

Di bahagian amalan keibubapaan, kadar peratusan ibu adalah lebih tinggi berbanding peratusan bapa dalam memberikan contoh teladan penambahbaikan amali solat murid-murid di rumah. Item 14, iaitu *memarahi anak yang tidak solat*, adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 96 peratus. Namun begitu, keterlibatan ibu bapa dalam amali solat murid-murid di rumah berada di tahap tinggi dengan purata keseluruhan sebanyak 89.5 peratus yang menunjukkan kerjasama sepenuhnya daripada pihak ibu bapa dalam mendidik dan memupuk kerohanian murid.

**Jadual 7:** Korelasi antara persepsi keberkesanan Amali solat dengan tahap penguasaan amali solat dalam kalangan pelajar.

Hubungan antara keberkesanan amali solat dirumah dan tahap penguasaan amali solat disekolah	N	r	sig	tahap
Hubungan antara dua pembolehubah				
Interaksi dan komunikasi	0.826	.00		Tinggi
Amalan keibubapaan	0.791	.00		Tinggi

Analisis korelasi Pearson digunakan bagi menganalisis hubungan antara keberkesanan amali solat di rumah dan tahap penguasaan amali solat di sekolah. Korrelasi ini sesuai digunakan untuk data yang berlanjutan (*continues*), nilai purata atau data nisbah (Chua Yan Piaw, 2006: 158; Pallant, 2007: 126). Berdasarkan Jadual 7 terdapat hubungan yang signifikan pada tahap tinggi diantara interaksi dan komunikasi ( $r = 0.826$  dan  $sig. = 0.00 < .01$ ), amalan keibubapaan ( $r = 0.791$  dan  $sig. = 0.00 < .05$ ) dengan tahap penguasaan pelajar dalam program amali solat.

## 6.0 PERBINCANGAN

Tahap pencapaian pelajar dalam perkara yang dilakukan mempunyai hubungan yang kuat dengan tahap penglibatan ibu bapa khususnya dalam interaksi dan komunikasi serta amalan keibubapaan memberi impak positif terhadap penguasaan amali solat di sekolah bersesuaian dengan pandangan Rice dan Kobak (dalam Shahizan Hassan, Tsai Chen Chien dan Saw Hooi Chin, 2004). Dapatan ini menguatkan lagi pandangan bahawa walaupun pelajar mempunyai lebih masa bersama rakan-rakan



disekolah, faktor pengaruh ibu bapa juga adalah antara penyumbang kepada perubahan tingkah laku pelajar. (Azizi & Nalini, 2006).

Kajian ini mendapati tahap penglibatan ibu bapa dari segi interaksi dan komunikasi di rumah antara pelajar dan ibu bapa ialah pada tahap tinggi dengan purata 90 peratus. Dapatan ini menggambarkan bahawa komunikasi dan interaksi di rumah berlaku di antara pelajar dan ibu bapa khususnya yang berkaitan dengan solat dan hal-hal keagamaan. Secara holistik pengkaji mendapati keperihatinan ibu bapa tentang solat masih lagi diambil perhatian. Begitu juga keterlibatan ibu bapa dalam memperlihatkan ibadah solat sebagai satu ibadah yang wajib juga berada pada paras 90 peratus. Secara keseluruhan pengkaji mendapati bahawa hubungan komunikasi dan keterlibatan ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penguasaan pelajar dalam program amali solat.


Dapatan ini bertepatan dengan pandangan Azizi & Nalini, (2006) menyatakan corak didikan ibu bapa adalah aspek utama yang memberi kesan mendalam terhadap perkembangan fizikal, mental dan sosial seseorang individu. Secara tidak langsung ia membentuk personaliti seseorang individu. Ini bermakna ibu bapa mempunyai tanggungjawab yang besar dalam mendidik anak-anak. Ibu bapa perlu melengkapkan diri dalam bidang keibubapaan untuk membentuk diri dan jiwa anak-anak ke arah kebaikan. Tingkah laku ibu bapa akan dapat mempengaruhi jiwa anak anak.

Walau bagaimanapun, pengkaji perlu mengambil kira pada kajian akan datang sama ada di kawasan terbabit mempunyai pengaruh terhadap perkembangan pelajar dalam akademik mereka. Kajian yang dibuat oleh Rohaty (2003) menyatakan ibu bapa dari keluarga miskin di Malaysia kurang memperhatikan tentang pentingnya pembentukan sendiri pada usia awal ini. Keadaan di rumah kurang merangsangkan pembelajaran di persekitaran mereka (Arnold et. al., 2008). Akhirnya ibu bapa kehilangan peluang untuk mengembangkan anak-anaknya secara maksima (Ishak, 2004).

## **7.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Maklum balas para ibu bapa yang positif terhadap amalan solat anak-anak mereka yang dididik dengan amali solat di sekolah agama Kerajaan Johor merupakan indikator keberkesanan program ini. Kajian mendapati program ini sewajarnya diteruskan dengan penambahbaikan sebagai usaha pempugaran dan pemantapan bukan sahaja di dalam kawasan sekolah malah turut melibatkan luar sekolah.

Usahasama antara pihak Jabatan Agama Johor, sekolah, badan kebajikan sekolah, dan ibu bapa sangat signifikan dalam pemantapan program ini. Setiap pihak hendaklah memainkan peranan yang berterusan dan saling bantu-membantu bagi memastikan kemenjadian kerohanian murid-murid sekolah agama Johor. Model berikut adalah cadangan penambahbaikan bagi program ini.



Rajah 1 Model Tambah Baik Amali Solat (TBAS)

Berdasarkan Rajah 1, pelaksanaan pemantapan bagi program ini memerlukan penglibatan yang holistik daripada pihak Jabatan Agama Johor, pentadbiran sekolah agama Johor, jawatankuasa badan kebajikan sekolah, dan ibu bapa murid sekolah berkenaan. Dua pihak yang berada di bahagian atas, selaku pihak yang berautoriti dalam penetapan standard dan pelaksanaannya hendaklah saling berinteraksi agar dapat membentuk nilai-nilai yang ingin diterapkan kepada murid dalam bentuk yang lebih efisien, manakala dua pihak di bahagian bawah adalah pemangkin dalam menjayakan program ini dengan lebih berkesan.

Model ini memaparkan kerjasama yang berterusan antara kesemua pihak dalam mendidik anak-anak sehinggalah tamat pembelajaran mereka di sekolah agama. Program Bestari Solat yang dicadangkan seharusnya dilakukan oleh pihak badan kebajikan sekolah bagi membantu para ibu bapa untuk lebih mendalami aspek solat itu sendiri lantaran ibu bapa diberi tanggungjawab untuk menilai kualiti solat anak-anak mereka di rumah secara berkala.

## Rujukan

- Abdul Ghafar Haji Don, Ab Halim Tamuri, Supyan Hussin, Mohd Aderi Che Noh, Ahmad Irdha Mokhtar & Zulkefli Aini. (2015). Penilaian terhadap Keberkesanan Perlaksanaan Kursus dan Latihan yang Ditawarkan oleh Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS). *Humanika*, 6(1), 1-8.
- Abd. Aziz Yusuf. (2005). Penilaian Prestasi: Kepentingan dan Permasalahan. Edisi Ke-2. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdullah Nasih Ulwan (2015). Tarbiyatul Aulad (Edisi Terjemahan). Kuala Lumpur: PTS Publications.
- Anisah Ghani. (2004). Konsep Pengamalan Solat: Kajian pada Zaman Rasulullah, Sahabat dan Tabiin. Kuala Lumpur: al Hidayah Publishers.
- Arnold, D.H., Zeljo, A. & Doctoroff, G. L. (2008). Parent Involvement in Preschool: Predictors and the Relation of Involvement to Prelitery Development. *School Psychology Review*, 37(1), 74-90.
- Arabi Idid, Syed. (1998). Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial. Cetakan Ke-3. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham & Salasiah Hanin Hamjah (2013). Ciri-ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur. Risk Teens Features: A Literature Review. *Islamiyyat*, 35(1), 111 - 119.

- Azizi Hj. Yahaya dan Nalini A/P Madavan (2006) Faktor-Faktor Lepak dan hubungan Keibubapaan di kalangan Pelajar Remaja Di Sekolah Menengah di Empat Buah Negeri Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Fadillah Ismail, Fatin Ezzaty, Adibah Abdul Kadir, Lutfan Jaes & Fauziah Ani. (2017). Keberkesanan Seminar Pengukuhan Integriti, Human Sustainability Procedia.
- Fadillah Ismail & Adibah Abdul Kadir. (2018). Training Practice and Employee Performance in Manufacturing Company. *Research Journal of Social Sciences*, 11(1), 18-24. DOI: 10.22587/rjss.2018.11.1.4.
- Fadillah Ismail, Ainul Mardhiyah Nor Aziz, Wan Md Syukri Wan Mohamad Ali, Siti Aisyah Panatik & Nur Syereena Nojumuddin. (2018). Factor Affecting Motivation Level Employee on Acquisition Strategy. *International Journal of Engineering and Technology*, 7(3.20), 127-130.
- Ghazali Darussalam. (2010). Program Evaluation in Higher Education. *The International Journal of Research and Review*, 5(2), 56-65.
- Haron Din (2002). Manusia dan Islam. Jil. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Mamat. (1996). Reka Bentuk dan Pengurusan Latihan: Konsep dan Amalan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ideris Endot. (2007). Perancangan Pembangunan Malaysia: Kajian Dasar dan Strategi Pengurusan Sumber Ekonomi dari Perspektif Islam di negeri Terengganu Darul Iman dari Tahun 1971-2000. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti.
- Ideris Endot (2007). Strategi Pengurusan Sumber Manusia dalam Globalisasi Dakwah Mutakhir. Dlm. Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia: Konsep dan Perlaksanaan. Abdul Ghafar Don, Burhanudin Abdullah & Zulkipie Abd Ghani (Pnyt.). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak Mad Shah (2004). Konsep sendiri dan pencapaian akademik golongan remaja: melihat sejauhmana gaya kepimpinan ibu bapa sebagai moderator. *Jurnal Teknologi*, 40(E), 33-44
- Kamarul Azmi Jasmi & Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom. (2007). Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang. (Successful Family Education and Development. Skudai, Johor, Malaysia: Penerbit UTM Press
- Kirkpatrick, D. (1996). Great Ideas Revisited: Revisiting Kirkpatrick's Four-level Model. *Training and Development*, 50, 54-57.
- Lain Ehmann. (2001). The Importance of Touch. Arribellah – The Magazine of Today's Woman.
- Manchelah a/p Natesan. (2017). Keberkesanan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah di Malaysia. Tesis Kedoktoran yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mazdiana Daud. (1998). Amalan Solat Berjemaah di Kalangan Pelajar Akademik Pengajian Islam. Projek Sarjana Muda. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Noor, Norhayati and Mahmud, Zuria and Abd. Rahman, Saemah (2012) Proses kaunseling keluarga di Malaysia UKM.
- Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi (2009), Sahih Muslim. Beirut: Dar Qurtubah li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Nazir, Mohammad. (2005). Metode Penelitian. Bogor: Ghalia Indonesia.
- Noe, R. A. (2017). Employee training and development. 7th Ed. Boston: McGraw Hill.
- Norizan Ismail, Muhammad Ridzuan Idris, Raja Shaharudin Raja Mohamad, Nor Kamilah Mokhtar, Mohd Nazri Abdul Rahman. (2019). Kesesuaian Program Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBI) di Sekolah Rendah Luar Bandar di Kelantan. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(1), 38-48.

- Norhayati Mohd Noor, Zulkefli Malek. (2018). Model Proses Kaunseling dan Konsultasi Keluarga di Setting Sekolah. Regional Conference On Counseling and Career Development.
- Rohner, Ronald P. & Veneziano, R. A. (2001). The Importance of Father Love: History and Contemporary Evidence. American Psychological Association.
- Shihab, M. Quraisy. (2009). Tafsir al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran. Jakarta: Lentera Hati
- Sidek Baba (2009). Acuan Minda. Kuala Lumpur: Alaf 21.
- Tai, Wei-Tao. (2006). Effects of training framing, general self-efficacy and training motivation on trainees' training effectiveness. *Personnel Review*, 35 (1), 51-65.
- Tengku Elmi Azlina Tengku Muda, Nor 'Adha Binti Abdul Hamid, Azizah Binti Mat Rashid, Norul Huda Binti Bakar dan Norashikin binti Azmi. (2015). War 08 Kesalahan Akhlak Dan Perkaitannya Dengan Faktor Kematangan, Kerohanian Dan Kesedaran Kendiri Individu.
- Zahri Ramlan. (2017). Reka Bentuk Modul Latihan Perkembangan Profesional Guru dalam Persekitaran Pembelajaran Maya. Tesis Kedoktoran yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Zainon Omar dan Ahmad Esa (2008). Persepsi Guru Terhadap Hubungan Pihak Sekolah Dengan Ibu Bapa. Seminar Kebangsaan Pengurusan Pendidikan PKPGB 2008,16 Oktober 2008, UTHM.
- Zulkifli Abd Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad, Ismi Arif Ismail (2011). Hubungan Antara Penglibatan Ibu Bapa dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(2), 2011 31-40